

**Kestabilan Politik Perlu Bagi Menjamin Aset Negara - Najib
Bernama
20 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Aset dan kekayaan negara akan kekal terjamin jika rakyat sedia bekerjasama dalam memastikan kepastian dan kestabilan politik yang berterusan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata ketiadaan kestabilan sedemikian boleh menimbulkan ancaman kepada kekayaan Malaysia.

"Kita telah bekerja keras untuk mengumpul aset dan kekayaan dalam negara ini tetapi ia boleh merosot atau malah tersejat jika kita tidak bekerjasama untuk memastikan kestabilan dan kepastian politik di rantau ini," katanya dalam ucapan pada mesyuarat agung tahunan ke-66 Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM) di sini, Rabu.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kestabilan politik adalah penting kerana ia boleh mempengaruhi keyakinan ahli perniagaan dan pasaran.

Ini merupakan majlis pertama yang dihadiri Najib sejak tiba di tanah air dari Arab Saudi pukul 1 pagi.

Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, berada di Arab Saudi bagi memberi penghormatan terakhir kepada Putera Mahkota Nayef bin Abdul Aziz Al Saud, 77, yang mangkat di hospital Geneva pada Sabtu.

Najib dan Rosmah turut menunaikan umrah semasa lawatan itu.

Perdana Menteri juga berkata ketidakstabilan dan ketidaktentuan boleh membawa risiko yang besar kepada perniagaan.

Beliau menyebut masalah kewangan dalam kalangan negara-negara Eropah, kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat dan begitu juga ketidaktentuan politik di rantau lain sebagai sebab untuk Malaysia supaya lebih berdaya tahan dari segi ekonomi.

Perkembangan sedemikian menjadikannya lebih perlu bagi Malaysia untuk melahirkan perniagaan dan keyakinan pasaran, katanya.

Najib juga mahu sektor swasta bekerjasama dalam memastikan daya tahan negara diperkukuhkan bagi menghadapi cabaran dalam ekonomi global yang penuh pancaroba.

Katanya penyertaan mereka adalah penting bukan sahaja bagi membolehkan Malaysia terus

memulakan perjalanan transformasinya tetapi bagi memastikan perubahan sebenar dilaksanakan.

Najib mengulangi janji kerajaan bagi menyediakan peluang perniagaan yang lebih baik selain kehidupan yang lebih baik kepada semua rakyat Malaysia.

"Kita tidak pernah menjanjikan apa yang kita tidak dapat tunaikan," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674379>